

**JABATAN KORPORAT**

TARIKH: 16.08.2024 MASA: 12.00pm

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM KOMUNITIKU  
BERSIH DAN SIHAT: KEMPEN BASMI HOTSPOT  
DENGGI 2024 (KOM-BEAT DENGGI 3.0) DI LOKALITI  
HOTSPOT DENGGI (KADUN MACHANG BUBOK)**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**17 OGOS 2024 (SABTU)  
10.30 PAGI**

**MASJID JAMEK MACHANG BUBUK  
MACHANG BUBUK  
BUKIT MERTA JAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**YB. Tuan Lee Khai Loon**

Adun Machang Bubok

**Yang Dihormati**

**En Bernard Cheen Goon Hoi**

**En Zainuddin Bin Mohamed**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

**En Muhamad Suzuki Bin Ahmad**

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Nur Faeza Binti Abu Kassim**

Pengerusi COMBI Negeri

**Yang Berusaha Mr Chan Yew Ling**

General Manager

Fumakilla Malaysia Berhad

**Yang Berusaha Encik Nor Ghazali bin Wan Chik**

Pengerusi Masjid Jamek Machang Bubok

**Yang Berusaha MPKK Jalan Gajah Mati & Taman Alma Jaya**

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam **Majlis Penutupan Program Komunitiku Bersih Dan Sihat: Kempen Basmi Hotspot Denggi 2024 (Kom-Beat Denggi 3.0) Di Lokaliti Hotspot Denggi (Kadun Machang Bubok).**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lee Khai Loon, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Machang Bubok, Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis; Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP yang sudi hadir bersama, pada pagi yang berbahagia ini.
3. Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Pegawai-Pegawai daripada COMBI, khususnya Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Nur Faeza Binti Abu Kassim, Pengerusi COMBI Negeri dan Encik Turaisingam A/L Mahalingam, Pengerusi COMBI SPT; Pejabat Kesihatan Daerah SPT (PKD); Jabatan Penerangan Malaysia; BOMBA; Angkatan Pertahanan Awam Malaysia; Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK); Badan Pengurusan Masjid Jamek Machang Bubok; wakil daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)

Jalan Gajah Mati dan Taman Alma Jaya; wakil Fumakilla Malaysia Berhad; dan pihak urusetia program dan semua pihak yang terlibat atas kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam merealisasikan segala perancangan dan menjayakan program istimewa pada hari ini.

4. Program Kempen Komunitiku Bersih Dan Sihat – Kempen Cegah Denggi (KOM-BEAT Denggi) ini adalah merupakan salah satu daripada tiga (3) kempen kesihatan persekitaran yang dijalankan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di bawah Kempen Kesihatan Persekitaran di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2024 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan peruntukan sebanyak RM10,000.00.
5. Program kempen ini merupakan edisi ketiga yang dilaksanakan oleh MBSP, selepas kejayaan edisi 1.0 di Taman Alma Jaya tahun 2021 dan edisi 2.0 di Taman Siakap pada tahun 2022.
6. Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk:-
  - i. mengawal dan mencegah kejadian denggi kes denggi;
  - ii. mengawal risiko dan potensi pembiakan nyamuk Aedes; dan
  - iii. memperkasakan usahasama antara MBSP, agensi dan komuniti dalam strategi-strategi pencegahan denggi

7. Tempoh kempen adalah bermula pada bulan April sehingga hujung Julai 2024. Beberapa program dan pengisian telah dilaksanakan antaranya:-
- i. Penilaian Risiko dan Kajian Entomologikal dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah
  - ii. Gotong Royong bersama Penduduk
  - iii. Tinjauan & Soal Selidik Pengetahuan, Kefahaman dan Amalan (KAP) berkaitan Denggi
  - iv. Pertandingan Reka Cipta Nyamuk Aedes dari bahan kitar semula
  - v. Pertandingan Mewarna dengan kerjasama TABIKA KEMAS dan Perpaduan
  - vi. Pertandingan Video Kreatif Tiktok
  - vii. Ops Ronda-Ronda Sampai Kelia
  - viii. Ops KOM-PERKASA (Komuniti Diperkasa, Undang-Undang Dikuatkuasa)
  - ix. Inovasi Kawalan Nyamuk (Penggunaan Umpan Biogel, kerjasama bersama USM)
  - x. Aktiviti promosi dan pendidikan secara berterusan

8. Program KOM-BEAT Denggi 3.0 dilaksanakan selama tiga (3) bulan di Taman Nirwana, Taman Alma Jaya, Taman Selamat dan Taman Selesa di kawasan Machang Bubok. Lokaliti berkenaan telah dipilih sebagai lokasi kempen oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MBSP berikutan ciri-cirinya sebagai kawasan keutamaan tinggi (*high-priority area*) untuk pembasmian denggi. Lokaliti ini juga merupakan kawasan yang diisytiharkan kawasan *hotspot* denggi. Ini merupakan strategi MBSP dalam memastikan lokaliti terpilih bebas daripada risiko penyakit Denggi menerusi pendekatan pemerkasaan komuniti dan kerjasama antara agensi.
9. Seperti yang sedia maklum, penyakit demam denggi merupakan satu masalah kesihatan awam yang amat serius di kawasan-kawasan bandar yang mempunyai populasi yang sangat tinggi. Kes penyakit demam denggi menunjukkan peningkatan yang seiring dengan pertambahan kawasan bandar, pembangunan dan peningkatan kepadatan penduduk. Secara umumnya, di Pulau Pinang sehingga 10 Ogos 2024, jumlah kes yang dilaporkan adalah 3,149 kes, berbanding dengan 5,520 kes bagi tempoh sama pada tahun 2023 (sehingga 12 Ogos 2023). Jumlah kematian yang direkodkan pada tahun ini adalah sebanyak 6 kes berbanding 7 kes pada tahun 2023.
10. Di Seberang Perai pula, sebanyak 2,038 kes demam denggi dilaporkan di seluruh Seberang Perai pada tahun 2024, iaitu sehingga 10 Ogos 2024 adalah sebanyak 2,106 kes, di mana empat (4) kes

kematian dilaporkan. Di Seberang Perai Tengah sahaja, 1,136 kes dilaporkan dengan dua (2) kes kematian. Sebanyak 20 lokaliti telah dikenalpasti di Seberang Perai sebagai *Hotspot Localities* di mana 19 lokaliti adalah di Seberang Perai Tengah.

11. Demam denggi bukan saja penyakit yang berjangkit malah boleh membawa maut kepada si penghidapnya. Di samping itu, penyakit ini menyebabkan symptom seperti demam, sakit sendi, sakit otot dan sebagainya kepada pesakitnya. Justeru, saya menyeru kepada sesiapa atau ahli keluarga mereka yang mengalami demam hendaklah mendapatkan rawatan awal agar komplikasi demam denggi yang boleh membawa maut dapat dielakkan.
12. Faktor utama yang menyebabkan merebaknya penyakit denggi adalah disebabkan faktor kebersihan sekitar. Aedes membiak di dalam bekas yang dasarnya bukan tanah dan airnya bersih dan jernih. Bekas-bekas menakung air seperti tin-tin yang dibuang dan tayar buruk adalah punca pembiakan aedes. Mengikut laporan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Index Aedes tertinggi di Pulau Pinang adalah di tapak binaan; tanah lapang / taman mainan / rumah terbiar dan bersemak samun; kawasan sampah haram; dan tempat penyimpanan barang-barang lusuh. Oleh itu pencegahan dari awal perlu dilakukan oleh orang ramai melalui pencegahan dengan memusnahkan tempat pembiakan aedes.

13. Oleh itu, saya berharap setiap individu akan mengambil tanggungjawab membersihkan kawasan persekitaran rumah; memeriksa longkang atau saluran hujan yang tersumbat; membuang sampah secara teratur; menanam tin-tin kosong, tempurung kelapa atau tayar-tayar buruk di belakang rumah; dan membubuh racun pembunuh jentik-jentik di dalam bekas takungan air yang tidak mudah ditukar.
14. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak urusetia dan semua pihak yang menjayakan program dan menjadikan kempen ini menjadi kenyataan.
15. Saya dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, merasmikan **Majlis Penutupan Kempen Komunitiku Bersih Dan Sihat – Kempen Cegah Denggi 3.0 (KOM-BEAT)**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***